



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### **SYOR TERKINI PEMBERIAN DOS PENGGALAK**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa, sehingga 13 April 2022, seramai **26,054,361 atau 79.2%** penduduk Malaysia telah menerima **dos lengkap vaksin COVID-19** dengan pecahan seperti berikut:

- **22,959,339 atau 97.6%** penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas telah menerima **dos lengkap vaksin COVID-19**.
- **2,865,407 atau 92.1%** penduduk Malaysia berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima **dos lengkap vaksin COVID-19**;
- **1,374,520 atau 38.7%** kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah menerima **dos pertama vaksin COVID-19** manakala **229,615 atau 6.5%** kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah menerima **dos lengkap vaksin COVID-19**; dan
- **15,950,859 atau 69.8%** penduduk dewasa yang layak telah menerima **dos penggalak vaksin COVID-19**.

Selain itu dua golongan yang telah dikenal pasti iaitu **Individu berumur 60 tahun dan ke atas dengan komorbiditi berisiko tinggi (Lampiran 1)** dan **Individu *moderate or severe immunocompromised* berumur 12 tahun dan ke atas (Lampiran 2)** kini boleh mendapatkan dos penggalak kedua

dan dos penggalak. Syor ini juga termasuk **golongan warga emas yang berada di bawah fasiliti penjagaan jangka panjang**.

Bagi Individu yang berumur 60 tahun dan ke atas yang sihat dan tidak mempunyai komorbiditi berisiko tinggi, mereka perlu berbincang dengan pengamal perubatan bagi mengesyorkan pengambilan dos penggalak kedua berdasarkan pertimbangan mereka.

Keputusan ini dibuat selepas Panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) meneliti kajian-kajian saintifik serta kajian kohort Malaysia yang menunjukkan bahawa individu berumur 60 tahun dan ke atas dengan komorbiditi seperti penyakit paru-paru, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, penyakit hati dan diabetis berisiko lebih tinggi untuk mendapat gejala serius dan kematian dalam COVID-19.

TWG turut memberikan saranan bahawa:

- **Individu berumur 60 tahun dan ke atas dengan komorbiditi berisiko tinggi** boleh diberikan dos penggalak kedua dengan selang masa sekurang-kurangnya 4 hingga 6 bulan selepas tarikh dos penggalak pertama.
- **Individu *moderate or severe immunocompromised* berumur 12 tahun dan ke atas** boleh diberikan dos penggalak dengan selang masa sekurang-kurangnya 28 hari selepas tarikh dos kedua.
- **Buat masa ini, vaksin mRNA Comirnaty (*Pfizer-BioNTech*) merupakan vaksin yang disyorkan bagi dos penggalak kedua berdasarkan data saintifik yang tersedia.**
- Manakala bagi individu berumur 60 tahun dan ke atas yang telah lengkap mengambil dos penggalak dan didapati mengalami jangkitan COVID-19, mereka layak menerima dos penggalak kedua 3 bulan selepas mereka pulih sepenuhnya.

Walau bagaimanapun pelaksanaan syor terbaru ini tidak akan menjaskan status vaksinasi lengkap individu berisiko tinggi yang tidak mengambil dos penggalak kedua tersebut. KKM kini sedang mengemaskini Garis Panduan Klinikal yang akan memperincikan perlaksanaan tersebut.

KKM juga telah menerima permohonan bagi individu yang ingin ke luar negara untuk mendapatkan dos penggalak kedua bagi memenuhi keperluan ke luar negara. Sebagai contoh, terdapat sesetengah negara di benua Eropah yang tidak mengiktiraf vaksin Sinovac dan Sinopharm sebagai dos primer dan dos penggalak.

Justeru, individu yang ingin ke luar negara boleh diberikan **dos penggalak kedua selepas selang masa sekurang-kurangnya satu (1) bulan daripada dos penggalak pertama** bagi memenuhi keperluan ke luar negara.

Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2022, seramai **701** individu telah menerima **sijil Digital pengecualian vaksinasi atas sebab perubatan**. Justeru, individu tersebut juga akan mendapat **pengecualian dos penggalak secara automatik**.

- Individu yang **tidak layak untuk mendapat dos penggalak atas sebab perubatan** terutamanya dalam kalangan **penerima dos primer Sinovac / Sinopharm atau warga emas berumur 60 tahun ke atas**, dan masih belum menerima **Sijil Digital Pengecualian Vaksinasi COVID-19**, mereka perlu membuat permohonan baharu.
- Individu tersebut perlu mendapatkan pengesahan **pakar perubatan** dan seterusnya membuat permohonan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan dengan mengemukakan **Slip “Penilaian**

## **Kesesuaian Menerima Vaksin COVID-19 bagi pesakit dengan Masalah Kesihatan Tertentu”.**

### **Lampiran 1**

Pemberian **dos penggalak kedua vaksin Pfizer (Comirnaty)** bagi individu berumur 60 tahun dan ke atas yang berisiko tinggi seperti berikut:

- i. Pesakit Kencing Manis
- ii. Pesakit *chronic lung disease*
- iii. Pesakit *chronic renal disease, underlying dialysis*
- iv. Pesakit *chronic liver disease*
- v. Pesakit *cerebrovascular disease*
- vi. Pesakit *Heart failure, ischemic heart disease, cardiomyopathy*
- vii. Pesakit *chronic neurological*
- viii. Individu dengan Indeks Jisim Tubuh (*Body Mass Index, BMI*) melebihi 40.
- ix. *Penghuni di pusat jagaan jangka panjang.*

### **Lampiran 2**

Pemberian **dos penggalak vaksin Pfizer (Comirnaty)** bagi individu ***moderate or severe immunocompromised*** berumur 12 tahun dan ke atas seperti berikut:

- i. Pesakit Kanser
- ii. Pesakit yang menjalani pemindahan organ dengan terapi imunosupresif
- iii. Hemodialisis jangka panjang atau dialisis peritoneal.
- iv. Lain- lain kondisi atau penyakit yang diklasifikasikan sebagai ***moderate or severe immunocompromised*** yang akan diperincikan di dalam Garis Panduan Klinikal KKM.

## **PENGGUNAAN UBAT ANTIVIRAL PAXLOVID DALAM RAWATAN JANGKITAN COVID-19**

- Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 3 Mac 2022 telah meluluskan pendaftaran secara bersyarat Paxlovid (*PF-07321332/Nirmatrelvir 150mg Film-Coated Tablets & Ritonavir 100mg Film-Coated Tablets*) sebagai ubat antiviral bagi rawatan COVID-19.
- Ubat Paxlovid mengandungi dua (2) bahan aktif iaitu PF-07321332/Nirmatrelvir dan Ritonavir dalam sediaan dua (2) tablet yang berbeza.
- Ubat ini bertindak untuk mengurangkan kemampuan replikasi SARS-CoV-2 seterusnya membolehkan sistem pertahanan badan untuk melawan jangkitan.
- Penggunaan ubat Paxlovid merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan bagi melawan wabak COVID-19 dan ditawarkan secara percuma.
  - Penggunaan ubat Paxlovid hanya ditawarkan di fasiliti kesihatan kerajaan iaitu Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dan hospital Kerajaan.
- Pendekatan rawatan ini adalah berdasarkan kajian keberkesanan dan bukti saintifik terkini yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa.
- Penghantaran fasa pertama ubat ini yang dapat menampung rawatan bagi 48,000 pesakit telah tiba di Malaysia pada 9 April 2022 dan kini dalam proses agihan ke fasilti kesihatan Kerajaan.
  - Setakat ini, penghantaran telah dilakukan ke 14 buah hospital di setiap negeri kecuali Sabah dan Sarawak ke Stor Logistik Farmasi Negeri masing-masing.
  - Penghantaran ke dua (2) lagi lokasi iaitu Sabah dan Sarawak akan dilakukan esok.

- Semua penghantaran ini melibatkan 481 CAC Klinik Kesihatan dan 15 buah hospital kerajaan.
- Ubat antiviral ini akan digunakan dalam rawatan pesakit COVID-19 seperti berikut:
  - Berumur 18 tahun dan ke atas;
  - Jangkitan COVID-19 kategori tahap 2 dan 3;
  - Tidak memerlukan terapi oksigen;
  - Berisiko tinggi untuk mendapat gejala COVID-19 yang teruk (*severe*).
- Pesakit COVID-19 yang hadir ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dan hospital Kerajaan akan disaring dan dinilai oleh Pegawai Perubatan berdasarkan jumlah skor bagi kriteria yang telah ditetapkan sebelum dimulakan dengan rawatan ubat Paxlovid.
  - Pesakit yang diberikan skor 3 dan ke atas akan diberikan keutamaan untuk rawatan antiviral.
- Keutamaan rawatan akan diberikan kepada pesakit warga emas, pesakit dengan pelbagai ko-morbid dan *immunocompromised*.
- Ubat ini perlu dimulakan dalam tempoh 5 hari bergejala bagi mencapai keberkesanan yang optimum.
- Pesakit yang menerima ubat ini perlu memastikan pengambilan ubat mengikut dos yang disarankan sebanyak 2 kali sehari bagi tempoh lima (5) hari.
- Rawatan COVID-19 melalui pemberian ubat Paxlovid di peringkat awal penyakit dapat mencegah jangkitan daripada menjadi lebih mudarat.
- Kajian turut menunjukkan penggunaan ubat ini boleh mengurangkan hampir 90 peratus risiko kemasukan ke hospital atau kematian.
- Penggunaan ubat ini BUKAN bertujuan menggantikan vaksinasi COVID-19 serta pematuhan terhadap prosedur-prosedur operasi

standard (SOP) yang ditetapkan dalam mengawal penularan jangkitan COVID-19.

- Vaksinasi COVID-19 tetap kekal sebagai senjata terbaik bagi memerangi wabak COVID-19.

## **PROTOKOL UJIAN RTK-ANTIGEN COVID-19 MELALUI PENYELIAAN SECARA MAYA (VIRTUAL CONSULTATION)**

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat alternatif baharu ujian RTK Ag kendiri seliaan secara maya yang bermaksud ujian RTK Ag kendiri yang dijalankan oleh individu dengan seliaan oleh pengamal perubatan secara maya.
- b) Perkhidmatan ini merupakan satu inisiatif tele-perubatan yang ditawarkan secara digital tanpa memerlukan individu hadir secara fizikal ke fasiliti kesihatan. Perkhidmatan ini berdasarkan kepada dokumen yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) iaitu *Malaysian Medical Council Advisory on Virtual Consultation (during the COVID-19 pandemic)*.
- c) Membolehkan pengguna mendapatkan keputusan ujian RTK Ag kendiri yang disahkan oleh pengamal perubatan dengan lebih cepat tanpa perlu ke fasiliti kesihatan. Ini akan menjimatkan masa, kos serta mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.
- d) Prosedur ini hendaklah mematuhi perkara berikut:
  - i. Seliaan hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC;

- ii. Perkhidmatan maya dilaksanakan secara langsung (*live*) bagi mengelakkan berlaku penipuan dalam keputusan ujian sekiranya rakaman video dibenarkan; dan
  - iii. Pelaporan keputusan ujian RTK Ag COVID-19 hendaklah menggunakan platform e-COVID.
- e) Semasa sesi konsultasi, pengamal perubatan perlu memastikan keperluan berikut:
- i. Penggunaan teknologi dan alatan yang bersesuaian dan mematuhi keperluan privasi pengguna;
  - ii. Memastikan maklumat yang diberikan oleh pengguna adalah sahih;
  - iii. Menjalankan penilaian status kesihatan pengguna;
  - iv. Memberi penerangan berkenaan aspek keselamatan seperti pengudaraan, kebersihan diri dan pelupusan kit ujian;
  - v. Memastikan pengguna mematuhi prosedur pengambilan sampel seperti yang dinyatakan dalam manual kit ujian yang digunakan;
  - vi. Memastikan terdapat *unique identifier* pada kit ujian yang digunakan oleh setiap pengguna bagi mengelakkan pemalsuan dan duplikasi;
  - vii. Memastikan keseluruhan prosedur ini diselia secara langsung (*live*) dan bukan rakaman video.
  - viii. Memastikan keputusan ujian ini dimuatnaik dalam eCOVID sebagai RTK-Ag kendiri seliaan maya.

KKM berharap dengan inisiatif baharu ini dapat memudahkan lagi masyarakat Malaysia dan pengembara melakukan pengujian COVID-19 serta keputusan yang telah ditentusahkan oleh pengamal perubatan.

# **PROTOKOL TERKINI KONTAK RAPAT BERKUAT KUASA 22 APRIL 2022**

## **a) Kontak Rapat Tanpa Mengira Status Vaksinasi**

### **i. Kontak rapat **TANPA GEJALA****

- **TIDAK PERLU** menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO).
  - Dalam tempoh lima (5) hari dari hari terakhir pendedahan kepada kes positif COVID-19, kontak rapat ini hendaklah:
    - sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah
    - elakkan berada di tempat yang sesak
    - elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi
    - memastikan pengudaraan yang baik
    - membuat perjalanan yang penting (*essential*) sahaja.

### **ii. Kontak rapat **BERGEJALA****

- Dinasihatkan untuk melakukan kuarantin kendiri (*self quarantine*)
- Digalakkan menjalani ujian RTK-Ag kendiri pada hari gejala bermula (*onset*) dan seterusnya pada hari ketiga. Jika mana-mana keputusan ujian RTK Ag adalah negatif dan gejala berkurangan, kontak rapat boleh melakukan aktiviti-aktiviti luar.

- Kontak rapat ini hendaklah:
  - sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah
  - elakkan berada di tempat yang sesak
  - elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi
  - memastikan pengudaraan yang baik
  - membuat perjalanan yang penting (essential) sahaja.
- Walau bagaimanapun, jika gejala bertambah teruk, sila dapatkan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan terdekat.
- Jika keputusan ujian RTK Ag positif, individu tersebut hendaklah diuruskan mengikut garis panduan pengurusan kes positif COVID-19.

## **KESIMPULAN DAN NASIHAT**

KKM sentiasa mempertingkatkan kesiapsiagaan sistem perkhidmatan kesihatan dalam menghadapi kemungkinan peningkatan kes semasa dalam Fasa Peralihan ke Endemik dan akan terus memantau pelaporan kes jangkitan varian-varian baharu dalam dan luar negara. KKM juga menyarankan kepada individu yang layak menerima vaksin COVID-19 supaya mendapatkan dos penggalak bagi mencapai tahap perlindungan yang optima serta mengelakkan gejala jangkitan COVID-19 yang teruk serta komplikasinya.

Sekian, terima kasih.

**KHAIRY JAMALUDDIN**

Menteri Kesihatan Malaysia

**14 APRIL 2022**